Kaji Selidik Keupayaan dan Rangkuman Kewangan dari Segi Permintaan bagi Tahun 2024

Gambaran Keseluruhan Kaji Selidik FCI 2024

Kaji Selidik Keupayaan dan Rangkuman Kewangan dari Segi Permintaan (Financial Capability and Inclusion Demand Side Survey, FCI) merupakan kaji selidik merentas seksyen yang dijalankan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) setiap tiga tahun. Kajian ini menilai tahap keupayaan kewangan rakyat Malaysia dengan mengukur tahap pengetahuan, tingkah laku dan sikap kewangan bagi mendapatkan skor gabungan yang dikenali sebagai Indeks Celik dan Keupayaan Kewangan Malaysia (Malaysia Financial Literacy and Capability Index, MYFLIC). Apabila melaksanakan kaji selidik ini, BNM turut mengambil kira faktor-faktor dan perkembangan penting bagi setiap tempoh kaji selidik. Contohnya, Kaji Selidik FCI tahun 2021[1] bukan sahaja menilai tahap keupayaan kewangan rakyat Malaysia tetapi turut merangkumi kesan pandemik COVID-19 serta langkah dan bantuan yang dilaksanakan.

Skop Kaji Selidik FCI tahun 2024 yang dijalankan pada suku ketiga tahun 2024 telah diperluaskan bagi meliputi penilaian terhadap kesejahteraan kewangan dan celik kewangan digital.[2] Hal ini kerana isu seperti kenaikan kos sara hidup dan pertumbuhan pesat pendigitalan semakin memberikan kesan penting pada tingkah laku kewangan rakyat Malaysia semasa tempoh kaji selidik. Kaji selidik ini juga menilai keupayaan kewangan rakyat Malaysia susulan pelaksanaan Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan 2019-2023 (NS1.0), sekali gus mendedahkan cabaran serta peluang baharu dalam usaha membina daya tahan kewangan pada masa hadapan.

Dapatan utama

Kaji selidik tahun 2024 mendapati bahawa secara umumnya, tahap celik kewangan rakyat Malaysia tidak banyak berubah sejak tahun 2021, dengan Indeks MYFLIC mencatatkan skor 59.1 (tahun 2021: 59.0). Walau bagaimanapun, terdapat peningkatan dari segi pengetahuan kewangan (+2.7), tetapi skor untuk tingkah laku kewangan (-2.0) dan sikap kewangan (-0.3) menunjukkan penurunan (Gambar Rajah 1).

Gambar Rajah 1: Indeks MYFLIC Keseluruhan



Nota: 3,587 responden rakyat Malaysia berumur 15 tahun ke atas. Indeks MYFLIC berdasarkan skor maksimum 100.
Sumber: Bank Negara Malaysia

Pengetahuan kewangan bertambah baik kepada 62.9 pada tahun 2024, meningkat daripada 60.2 pada tahun 2021 dalam kebanyakan subkomponen, terutamanya kesedaran terhadap produk kewangan dan pemahaman konsep

[1] Kaji Selidik Keupayaan dan Rangkuman Kewangan dari Segi Permintaan bagi tahun 2021 (https://bnm.gov.my/documents/20124/8440087/fsr22h1_bm_box1.pdf)
[2] Berdasarkan *OECD/INFE Toolkit for Measuring Financial Literacy and Financial Inclusion 2022*

kewangan seperti kepelbagaian, inflasi serta risiko dan pulangan. Meskipun lebih ramai rakyat Malaysia menyedari kewujudan pelbagai produk kewangan, mereka merasakan bahawa maklumat yang jelas dan boleh dipercayai masih kurang. Hal ini seterusnya mempengaruhi tingkah laku dan keputusan kewangan mereka. Rakyat Malaysia secara umumnya mempunyai pemahaman asas tentang produk kewangan, termasuk konsep pembayaran balik pinjaman yang lebih tinggi disebabkan oleh faedah atau caj keuntungan. Walau bagaimanapun, pemahaman mengenai aspek yang lebih kompleks, seperti semakan kadar faedah dan kesannya terhadap faedah bulanan atau pembayaran keuntungan, masih berada pada tahap yang lebih rendah. Kekurangan pemahaman ini menyumbang kepada penurunan skor tingkah laku kewangan secara keseluruhan, daripada 61.9 pada tahun 2021 kepada 59.9 pada tahun 2024.

Pendapatan yang rendah dan/atau tidak stabil dan digabungkan dengan peningkatan kos sara hidup juga menyukarkan rakyat Malaysia untuk mengurus kewangan mereka dengan baik, seperti membayar bil tepat pada masanya dan menyimpan wang untuk masa depan. Walaupun ramai individu berusaha untuk berbelanja mengikut kemampuan, kenaikan harga barangan keperluan seperti makanan dan utiliti menyebabkan perbelanjaan sering melebihi belanjawan yang dirancang (Gambar Rajah 2). Kesannya, rakyat Malaysia memberikan keutamaan untuk memenuhi keperluan segera, lantas mempunyai ruang yang terhad untuk simpanan atau perancangan kewangan jangka panjang.

Gambar Rajah 2: Rakyat Malaysia Terkesan oleh Peningkatan Kos Sara Hidup

26% Rakyat Malaysia kadang-kala/selalu kekurangan wang (2021:14%)

3 SEBAB UTAMA KEKURANGAN WANG



Sumber: Bank Negara Malaysia



Keadaan kewangan yang lebih ketat mempengaruhi tabiat menyimpan dalam kalangan rakyat Malaysia. Pada tahun 2024, hanya 58% cuba menyimpan untuk masa hadapan (2021: 67%)

Leret atau Sentuh untuk Berbelanja: Psikologi di sebalik *Painless Payment*

Penggunaan produk dan perkhidmatan kewangan digital (*digital financial products and services*, DFS) di Malaysia telah berkembang dengan pesat. Pada tahun 2024, 92% rakyat Malaysia menggunakan DFS berbanding dengan 74% pada tahun 2021. Peningkatan ini menunjukkan perkembangan pendigitalan yang pantas dalam sektor kewangan, yang membuka pelbagai peluang dan cabaran. Walau bagaimanapun, penggunaan DFS secara meluas menimbulkan kebimbangan terhadap tabiat perbelanjaan dalam talian. *Painless payment*, iaitu apabila perbelanjaan menjadi terlalu mudah secara dalam talian, boleh menyebabkan keputusan kewangan yang kurang bijak seperti berbelanja secara berlebihan (Gambar Rajah 3).

Meskipun amalan baik keselamatan siber (*cyber hygiene*) rakyat Malaysia bertambah baik berbanding pada tahun 2021, masih banyak penambahbaikan diperlukan. Sebagai contoh, hanya 39% rakyat Malaysia yang mengambil berat tentang keselamatan laman sesawang sebelum membuat transaksi berbanding dengan purata global sebanyak 66%. Selain itu, walaupun perkongsian kata laluan dan/atau nombor pengenalan peribadi (PIN) akaun bank dengan kawan rapat berkurang dengan ketara, lebih seorang daripada 10 rakyat Malaysia masih melakukannya. Dengan penggunaan DFS yang semakin meluas, kurangnya amalan baik keselamatan siber ini akan terus menyebabkan pengguna terdedah kepada risiko keselamatan.

Secara keseluruhan, pengguna di Malaysia masih menghadapi kesukaran untuk mengurus wang dengan berkesan, termasuk menyediakan belanjawan, memantau perbelanjaan, berbelanja mengikut kemampuan serta mengelakkan perbelanjaan secara berlebihan dalam persekitaran digital. Keadaan ini boleh menjejaskan kesejahteraan kewangan peribadi. Seiring dengan trend pendigitalan yang pesat, kepentingan untuk meningkatkan celik kewangan digital menjadi semakin penting.

Gambar Rajah 3: Tabiat Kewangan Digital Rakyat Malaysia



Rakyat Malaysia cenderung untuk berbelanja lebih tanpa berfikir panjang apabila mereka membeli secara dalam talian berbanding apabila mereka membuat pembelian di kedai



Rakyat Malaysia membeli barangan dan perkhidmatan yang tidak diperlukan secara dalam talian

Amalan baik keselamatan digital dalam kalangan rakyat Malaysia



15% berkongsi kata laluan dan/atau nombor pengenalan peribadi (PIN) akaun bank dengan kawan rapat (2021: 37%)



39% mengambil berat tentang keselamatan laman sesawang sebelum membuat transaksi dalam talian (2021: 38%)



20% kerap menukar kata laluan untuk membeli-belah dan menguruskan kewangan peribadi secara dalam talian (2021: 11%)

Sumber: Bank Negara Malaysia

Celik Kewangan: Asas Kesejahteraan dan Ketenangan Kewangan

Kesejahteraan kewangan melibatkan keupayaan untuk memenuhi obligasi kewangan, mengurus perubahan pendapatan, mencapai matlamat kewangan masa hadapan serta membuat keputusan kewangan yang dapat meningkatkan kualiti hidup. Pengurusan kewangan peribadi yang lebih baik dapat meningkatkan daya tahan kewangan serta memberikan pengaruh positif pada persepsi seseorang tentang situasi kewangan mereka. Selain itu, penambahan pendapatan serta kos sara hidup yang boleh diurus juga merupakan komponen yang sangat penting dalam kesejahteraan kewangan.

Daya tahan kewangan – Menangani perbelanjaan yang tidak dijangka

Memiliki sumber kewangan untuk menangani perbelanjaan yang tidak dijangka dan kejutan kewangan adalah penting bagi mengekalkan kesejahteraan kewangan. Pada tahun 2024, 37% rakyat Malaysia menyatakan bahawa mereka mampu menampung kos sara hidup untuk lebih daripada tiga bulan sekiranya pendapatan mereka terjejas (tahun 2021: 36%) (Gambar Rajah 4). Pada masa yang sama, lebih ramai rakyat Malaysia tidak bersedia untuk menangani kejutan kewangan, dengan 61% melaporkan kesukaran untuk mendapatkan RM1,000 dalam bentuk wang tunai kecemasan (tahun 2021: 47%).

Sebanyak 35% rakyat Malaysia pula menyatakan mereka tidak mempunyai perlindungan kewangan yang mencukupi sekiranya berdepan dengan situasi buruk atau bencana. Sebanyak 40% mendakwa mereka hanya bergantung pada simpanan sendiri atau keluarga sebagai jaringan keselamatan kewangan bagi menghadapi keadaan tidak dijangka seperti kemalangan, kehilangan pendapatan atau kecemasan.

Pada masa ini, pengurusan risiko kewangan peribadi menerusi simpanan kecemasan dan perlindungan insurans atau takaful masih belum menjadi amalan dalam kalangan rakyat Malaysia. Jurang ini menyukarkan mereka untuk menguruskan perbelanjaan luar jangka dan boleh menjejaskan aspek perancangan jangka panjang lain seperti simpanan persaraan untuk diri sendiri atau ahli keluarga. Jurang ini juga menekankan betapa pentingnya produk kewangan yang mampu milik dan mudah diakses, seperti Perlindungan Tenang, untuk membantu rakyat Malaysia, terutamanya golongan yang mudah terjejas, mengurus risiko kewangan serta membina daya tahan terhadap kejutan kewangan. Kesedaran tentang produk Perlindungan Tenang semakin meningkat (Gambar Rajah 5), namun yang lebih penting adalah memastikan kesedaran ini diterjemahkan kepada penggunaan produk secara berkesan supaya dapat memberikan satu tahap keselamatan kewangan yang amat diperlukan oleh rakyat Malaysia.

Gambar Rajah 4: Menangani Perbelanjaan yang Tidak Dijangka



Sumber: Bank Negara Malaysia

Gambar Rajah 5: Kesedaran tentang Perlindungan Tenang



Sumber: Bank Negara Malaysia

Persepsi dan perasaan terhadap situasi kewangan sendiri

Kaji selidik FCI tahun 2024 turut menilai persepsi rakyat Malaysia terhadap keadaan kewangan mereka, khususnya pandangan mereka mengenai tahap hutang serta keupayaan mereka untuk menampung perbelanjaan pada usia emas.

Persepsi terbeban dengan hutang

Sebanyak 26% rakyat Malaysia merasakan mereka menanggung hutang yang terlalu banyak (tahun 2021: 30%), dengan 12% mempunyai hutang yang tinggi (tahun 2021: 14%). Kebanyakan mereka terdiri daripada golongan muda yang bergelut untuk menguruskan pinjaman pelajaran, kredit di kedai, serta pinjaman daripada ahli keluarga, rakan atau rakan sekerja. Mengikuti rapat adalah pekerja gig yang menghadapi kesukaran kewangan disebabkan oleh komitmen terhadap pinjaman kereta, rumah serta kad kredit dan kesukaran ini ditambah lagi oleh pendapatan yang tidak menentu. Rakyat Malaysia yang mempunyai hutang yang tinggi lebih terbuka untuk membincangkan masalah kewangan mereka, tetapi kebanyakannya menerusi saluran tidak formal. Walaupun penggunaan saluran formal seperti Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), penasihat kewangan berdaftar dan bantuan kewangan secara dalam talian telah meningkat, jumlah yang mendapatkan perkhidmatan ini masih rendah. Permohonan bantuan daripada penyedia perkhidmatan kewangan juga kurang diminati (Gambar Rajah 6).

Gambar Rajah 6: Keberhutangan dalam Kalangan Rakyat Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia

Persepsi tentang persaraan

Sebanyak 31% rakyat Malaysia bimbang tentang pengurusan perbelanjaan pada usia emas, iaitu meningkat daripada 27% pada tahun 2021. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) merupakan strategi persaraan yang digemari, dengan 54% rakyat Malaysia bergantung pada KWSP sebagai dana perbelanjaan pada usia emas (tahun 2021: 41%). Walau bagaimanapun, dalam kalangan mereka yang berumur lebih 50 tahun, pergantungan pada KWSP berkurang kepada 36%. Sebaliknya, mereka semakin bergantung pada strategi lain seperti produk pelaburan serta sumber pendapatan tidak formal seperti bantuan daripada anak-anak dan keluarga, selain ingin terus bekerja selepas bersara. Memandangkan Malaysia akan menjadi masyarakat menua, perancangan kewangan jangka panjang memerlukan perhatian yang rapi. Peralihan kepada strategi tidak formal dalam kalangan generasi lebih tua memberikan gambaran bahawa golongan muda mungkin bakal berdepan dengan lebih banyak tanggungjawab kewangan untuk ibu bapa dan saudara-mara mereka. Hal ini berkemungkinan menjejaskan kesejahteraan kewangan isi rumah jika tidak dirancang dengan sewajarnya (Gambar Rajah 7). Situasi ini menegaskan perlunya perancangan kewangan jangka panjang yang lebih baik.

Gambar Rajah 7: Perancangan Persaraan Rakyat Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, sejak pelaksanaan NS1.0, rakyat Malaysia kini lebih sedar dan lebih maklum akan urusan kewangan mereka. Namun, peningkatan kos sara hidup digabungkan dengan aliran pendapatan yang tidak menentu, dan kadar pendigitalan yang pesat memberikan cabaran baharu. Dengan perkembangan media sosial dan platform maklumat yang lebih mudah diakses, kesedaran tentang produk kewangan terus meningkat. Hal ini membuka peluang kepada penyedia perkhidmatan kewangan dan pembuat dasar untuk memperhebatkan usaha meningkatkan celik kewangan dengan impak yang lebih besar pada masa hadapan.

Dapatan daripada Kaji selidik FCI 2024 akan digunakan untuk membentuk fasa berikutnya dalam strategi literasi kewangan kebangsaan (NS2.0). Isu seperti kesan pendigitalan terhadap tingkah laku pengguna, perubahan dalam landskap kewangan dan ekonomi, serta masyarakat menua akan menjadi panduan dalam menetapkan keutamaan dan perancangan, menerusi kolaborasi dengan rakan kerjasama dan pihak berkepentingan yang relevan melalui Jaringan Pendidikan Kewangan (Financial Education Network, FEN). NS2.0, yang dijangka dilancarkan pada suku keempat tahun 2025, bertujuan untuk mencapai matlamat utama dalam mempertingkatkan tahap literasi kewangan dan kesejahteraan kewangan rakyat Malaysia, berasaskan pencapaian NS1.0.